KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	SARAWAK FORESTRY CORPORATION			

HM 20.1.2022.11

Dijel setahun, denda miliki sisik tenggiling

Miri: Seorang lelaki warga Indonesia dijatuhi hukuman penjara satu tahun dan denda RM50.85 juta kerana memiliki 5,058 sisik tenggiling, menurut Sarawak Forestry Corporation (SFC).

Menerusi kenyataan semalam, SFC berkata, Hakim Mahkamah Sesyen Mohd Taufik Mohd @ Mohd Yusoff menjatuhi hukuman itu selepas tertuduh, Agus Tallasi, 32, mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu.

"Dia didakwa mengikut Seksyen 29(2) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 kerana memiliki 4.95 kilogram sisik tenggiling di Niah, Miri pada jam 2.15 petang, 12 Januari lalu tanpa sebarang lesen atau kebenaran sah.

"Tertuduh akan dirujuk kepada Jabatan imigresen Malaysia untuk dihantar pulang selepas menjalani hukuman," katanya.

SFC melahirkan penghargaan kepada orang ramai dan agensi penguatkuasaan lain atas sokongan berterusan dalam memerangi jenayah hidupan liar di Sarawak.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan pihak yang menangkap, memburu, berniaga atau memelihara hidupan liar yang dilindungi boleh menghubungi SFC di 019-8859996 (Kuching), 019-8883561 (Sibu), 019-8332737 (Bintulu) atau 019- 8290994 (Miri).

> *Tertuduh akan dirujuk kepada Jabatan imigresen Malaysia untuk dihantar pulang selepas menjalani hukuman"*
>
> ***Kenyataan SFC***